

SURAT PEKELILING BENDAHARI 3/2004

Kepada,
Ketua Bahagian/Dekan
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

Assalamualaikum wrt. wbt.

Y.Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PINDAAN HAD MINIMUM PENDAHULUAN DIRI STAF

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 2001 telah menggariskan had minimum amaun pendahuluan diri staf KUTKM bagi menjalankan tugas rasmi dan menghadiri kursus. Pejabat Bendahari menyedari masalah yang timbul kepada had minimum yang telah ditetapkan melalui pekeliling tersebut adalah terlalu tinggi kepada sesetengah kategori.

Had minima pendahuluan diri telah dipinda dan ditetapkan berdasarkan jadual di bawah :

Had Minima	Kategori	
	SSM	KUMPULAN
RM500.00	Gred Utama/Khas C dan ke atas	Kumpulan Pengurusan Tertinggi
RM400.00	Gred 53 – 54	Kumpulan Pengurusan Professional
RM300.00	Gred 45 – 52	Kumpulan Pengurusan Professional
RM200.00	Gred 41 – 44	Kumpulan Pengurusan Professional
RM100.00	Gred 17 – 40	Kumpulan Sokongan
Tiada had	Gred 1 – 16	Kumpulan Sokongan

Pejabat ini amat berharap kerjasama dari setiap staf untuk mematuhi **Surat Pekeliling Bendahari Bil. 7/2001** mengenai urusan penempahan hotel semasa menjalankan tugas rasmi atau menghadiri kursus. Pembayaran tidak akan dibuat bagi mana-mana tuntutan bil/invois dari hotel untuk tujuan tersebut dan staf perlu menyelesaikannya sendiri.

Pemakaian pekeliling ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas Majlis Eksekutif Bil. 7/2003 dan berkuatkuasa mulai tarikh 21 Julai 2003.

Sekian, terima kasih. *Wassalam.*

**'KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

(KHAIRUL BIN TAIB)

Bendahari

Pejabat Bendahari

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

s.k **Y. Bhg. Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddin bin Ab Ghani**
Rektor

Y. Bhg. Datuk Prof. Ismail bin Hassan
Timbalan Rektor (Akademik)

Y. Bhg. Prof. Dr. Azhari bin Saleh
Timbalan Rektor (Pembangunan & Perancangan Korporat)